

UPSI/PEND/220/3.1(1)

26 FEBRUARI 2009

1 RABIULAWAL 1430

## **SPP UPSI BIL . 1 TAHUN 2009**

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

### **PERATURAN MENANGGUNG TUGAS BAGI KAKITANGAN AKADEMIK YANG MEMEGANG JAWATAN PENTADBIRAN**

#### **1. PENDAHULUAN**

- 1.1. Universiti telah menetapkan bahawa setiap kakitangan akademik yang dilantik memegang jawatan pentadbiran dibayar elaun pentadbiran mengikut jawatan yang dipertanggungjawabkan.
- 1.2. Pada waktu ini, mana-mana kakitangan tersebut yang bercuti melebihi sebulan kerana urusan peribadi akan tetap menerima elaun pentadbiran meskipun ada pegawai lain yang menanggung tugas kakitangan yang bercuti.
- 1.3. Pelantikan penanggung tugas dibuat bagi membolehkan semua urusan pentadbiran berjalan lancar.
- 1.4. Oleh yang demikian, pihak Universiti menerusi Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil. 1/2009 pada 7 Januari 2009 telah membuat keputusan iaitu:
  - (i) Kakitangan akademik yang memegang jawatan pentadbiran dan meninggalkan jawatannya itu untuk tempoh melebihi 1

bulan kerana bercuti dengan bergaji atau peribadi TIDAK AKAN dibayar Elaun Tanggungjawab selama tempoh bercuti.

- (ii) Elaun Tanggungjawab akan dibayar kepada pegawai yang menanggung tugas tersebut.

### **3. PEMAKAIAN**

Surat Pekeliling Pendaftar (SPP) Bilangan 1/2009 ini berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**'Pendidikan Gemilang Menuju Wawasan'**

Yang benar,

**(DATO' RUSLEY BIN TAIB)**  
Pendaftar